



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : MPU2313/MPU3013**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Maksud aqidah dari segi bahasa ialah
  - A damai, selamat, sejahtera
  - B tunduk, patuh, taat dan merendah diri
  - C ikatan, sangkutan atau menyimpulkan sesuatu
  - D kepercayaan, keyakinan atau keimanan yang mantap
  
2. Islam terdiri daripada tiga asas utama, iaitu :
  - i. akidah
  - ii. syariah
  - iii. akhlak
  - iv. qira'ah
  - A i,ii
  - B i,iii
  - C ii,iv
  - D i,ii,iii
  
3. Di antara berikut adalah bahagian-bahagian syariah
  - i. *rububiyyah*
  - ii. muamalat
  - iii. *uluhiyyah*
  - iv. munakahat
  - A i,ii
  - B i,iii
  - C ii,iv
  - D i,ii,iii

4. Perbahasan manakah antara berikut adalah maksud kepada Tauhid *Uluhiyyah*
  - A Mempercayai Allah dengan melakukan ibadat
  - B mempercayai kewujudan-Nya sebagai pencipta dan penguasa
  - C mempercayai Allah melalui nama-nama serta sifat-Nya
  - D mempercayai dengan sebenar-benar yakin tanpa penolakan
  
5. Seseorang dianggap memiliki sifat ihsan apabila
  - A melakukan tugas tetap pada tarikh akhir
  - B melakukan ibadah dengan teliti dan ikhlas
  - C mengingati dan menghafal asma' al-husna
  - D mempercayai bahawa al-Quran diturunkan Allah
  
6. Di antara berikut merupakan cara untuk menjaga akal kecuali
  - A berfikiran positif
  - B berfikiran terbuka tanpa had
  - C menjauhi makanan yang diharamkan
  - D makan makanan yang berkhasiat dan bersih
  
7. Maqasid syariah untuk menjaga keturunan dan maruah diri boleh dicapai melalui
  - A muamalat
  - B kewajipan zakat
  - C pengharaman judi
  - D pensyariatan perkahwinan
  
8. Yang manakah tepat menerangkan hubungan manusia dan alam?
  - A manusia hanya memusnahkan alam
  - B alam adalah sumber kehidupan manusia
  - C penjagaan alam adalah secara semulajadi
  - D manusia memerlukan alam untuk keindahan

9. Kedudukan umat Islam sebagai sebaik-baik kejadian adalah berdasarkan ciri-ciri berikut

- i. beriman
- ii. menyeru kebaikan
- iii. mencegah kemungkaran
- iv. pemikiran yang positif

- A i,ii
- B i,iii
- C ii,iv
- D i,ii,iii

10. Sistem nilai untuk menilai gerak geri atau tingkah laku manusia, sama ada makruf atau mungkar.

Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A *Epistemologi*
- B *Aksiologi*
- C *Fisiologi*
- D *Empirikal*

11. Umat Islam perlu berjihad menentang perkara-perkara berikut kecuali

- A hawa nafsu
- B kafir harbi
- C kafir zimmi
- D golongan munafik

12. Perkataan *civilization* digunakan untuk menjelaskan erti tamadun, ia berasal dari bahasa

- A Arab
- B Latin
- C Inggeris
- D Belanda

13. Sumbangan tamadun Islam kepada tamadun lain ialah

- A sains sosial
- B budaya ilmu
- C sains teknologi
- D seni ukiran kayu

14. Berikut manakah jenis-jenis seni khat?

- i. *Kufi*
- ii. *Taliq*
- iii. *Diwani*
- iv. *Qira'ah*

- A i,ii
- B i,iii
- C ii,iv
- D i,ii,iii

15. Berikut adalah seni bina yang bercirikan Islam kecuali

- A Kubah
- B Menara
- C Pedang
- D Bulan dan bintang

16. Berikut adalah antara sebab yang mengharamkan perkahwinan secara abadi kecuali

- A kerana susuan
- B perbezaan agama
- C sebab keturunan
- D akibat pertalian keluarga

17. Pilih jawapan yang paling tepat menunjukkan keistimewaan sistem pendidikan Islam
- A dapat memastikan kehidupan umat Islam tidak ketinggalan
  - B mampu membantu manusia mencari kesenangan dan keselesaan hidup
  - C mampu melahirkan manusia yang berilmu pengetahuan dan berwawasan
  - D merupakan suatu sistem pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan sepadu
18. Manakah antara berikut menggambarkan pemerintahan dan pentadbiran Islam adalah sangat adil?
- A mengutamakan umat Islam dalam urusan pentadbiran
  - B menjaga kebajikan rakyat dan amanah dalam pemerintahan
  - C menolak pandangan orang bukan Islam demi menjaga kepentingan agama
  - D mengutamakan kepentingan individu berbanding dengan kepentingan masyarakat
19. Seorang suami menuduh isterinya berzina dan gagal mengemukakan saksi. Beliau juga enggan bersumpah. Apakah hukuman yang sepatutnya dikenakan ke atas suami tersebut?
- A buang daerah
  - B 80 kali sebatan
  - C 40 kali sebatan
  - D 100 kali sebatan
20. Kegagalan menangani secara berkesan gejala keruntuhan akhlak adalah disebabkan oleh
- A dipengaruhi cara hidup masyarakat Barat
  - B kelonggaran penguatkuasaan undang-undang
  - C mengambil mudah terhadap pendidikan dan penghayatan agama Islam
  - D menganggap masalah tersebut sebagai sebahagian daripada erti kemodenan

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Seluruh kehidupan dan keperluan manusia disusun secara lengkap dan terbaik untuk manusia dan alam seluruhnya

- a. Nyatakan pengertian epistemologi

(2 Markah)

- b. Rasulullah SAW menyarankan kepada umatnya agar menuntut ilmu.

Jelaskan **dua(2)** kepentingannya kepada manusia.

(4 Markah)

- c. Huraikan **dua(2)** hak Allah SWT terhadap manusia

(4 Markah)

**SOALAN 2**

Islam dengan sistem yang teratur serta kesesuaiannya dengan fitrah manusia telah membentuk sebuah tamadun yang diasaskan atas dasar keagamaan.

- a. Jelaskan **dua(2)** keistimewaan tamadun Islam

(4 markah)

- b. Nyatakan **dua(2)** sumbangan tamadun Islam

(2 markah)

- c. Nyatakan **dua(2)** sumber tamadun Islam

(4 markah)



**SOALAN 3**

Seni amat sinonim dalam kehidupan manusia kerana seni merupakan sesuatu yang halus serta sesuai dengan fitrah manusia.

- a. Jelaskan **dua(2)** adab berpakaian yang dianjurkan dalam Islam  
(4 Markah)
  
- b. Nyatakan **dua(2)** bidang seni Islam  
(2 Markah)
  
- c. Jelaskan **dua(2)** peranan seni dalam Islam  
(4 Markah)

**SOALAN 4**

Keluarga yang baik akan melahirkan masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai murni dan harmoni

- a. Sebutkan **dua(2)** tujuan Islam mensyariatkan perkahwinan  
(2 markah)
  
- b. Jelaskan **dua(2)** peranan masyarakat majmuk terhadap negara  
(4 markah)
  
- c. Nyatakan pengertian berikut :
  - i. Ummah Pertengahan (*Ummatan Wasatan*)
  - ii. Ummah Terbaik (*Khayru Ummah*)  
(4 markah)

**SOALAN 5**

Islam sebagai cara hidup yang sempurna, sesuai untuk semua tempat, peringkat dan zaman, telah menggariskan falsafah pendidikannya yang tersendiri.

- a. Nyatakan **dua(2)** falsafah pendidikan dalam Islam  
(2 markah)
  
- b. Jelaskan **dua(2)** institusi pendidikan dan pengajian pada zaman awal Islam  
(4 markah)
  
- c. Keluarga, masyarakat, ilmuan/ulama dan pemerintah sama-sama bertanggungjawab dalam menjayakan sektor pendidikan.  
Huraikan **dua(2)** tanggungjawab pemerintah dalam sektor pendidikan  
(4 markah)

**SOALAN 6**

Asas yang telah diletakkan oleh Nabi Muhammad SAW dan diteruskan pula oleh Khulafa' al-Rasyidin patut dijadikan amalan dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran negara pada masa kini.

- a. Nyatakan **dua(2)** prinsip pemerintahan dan pentadbiran Islam yang perlu dilaksanakan oleh pemerintah  
(2 markah)
  
- b. Jelaskan **dua(2)** peranan Hisbah dalam pentadbiran dan pemerintahan Islam  
(4 markah)
  
- c. Senaraikan **empat(4)** konsep pemerintahan yang telah diamalkan pada zaman khulafa' al-Rasyidin  
(4 markah)

**SOALAN 7**

Moral atau akhlak merupakan suatu ilmu pengalaman yang dihayati dan dipatuhi bukan sahaja sebagai ilmu yang dipelajari.

- a. Nyatakan pengertian moral yang telah anda pelajari

(2 markah)

- b. Huraikan **dua(2)** tanggungjawab yang seharusnya dilaksanakan oleh kerajaan/pemerintah bagi mengatasi masalah salah laku di kalangan anak-anak

(4 markah)

- c. Selari dengan kehendak Islam "Janganlah kamu menghampiri zina".  
Jelaskan **dua(2)** adab sebagai batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram

(4 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan, jawab **SATU(1)** soalan sahaja.  
Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Kepesatan perkembangan industri hiburan di tanah air kita cukup memberangsangkan. Manakala golongan artis pula mendapat kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat berbanding golongan ulama.

Jelaskan secara terperinci **empat(4)** keburukan budaya asing dalam dunia hiburan  
(20 markah)

**SOALAN 2**

Gejala seks bebas dan sumbang mahram telah menular secara berleluasa di kalangan masyarakat Islam.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **dua(2)** punca utama berlakunya perkara tersebut dan **dua(2)** langkah untuk mengatasi gejala seks bebas dan sumbang mahram

(20 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



